




# Oyster Perpetual 41

Oyster, 41 mm, Oystersteel

Oyster Perpetual 41  
dengan permukaan  
kuning air dan rantai  
Oyster.



PERMUKAAN KUNING AIR

# Ketukangan bergerak seiring dengan teknologi tinggi

Warna yang dicipta untuk rangkaian Oyster Perpetual bermula daripada lakuer, yang harus disapu dengan teliti dalam persekitaran atmosfera terkawal bagi mengelakkan habuk dan pencemaran lain.

Plat loyang bagi tapak permukaan disapu dengan lapisan demi lapisan lakuer, enam kesemuanya, untuk membentuk permukaan yang sekata dan






OYSTERSTEEL

## Sangat tahan kakisan

Rolex menggunakan Oystersteel untuk penutup jam tangan keluli. Direka khas oleh Rolex, Oystersteel tergolong dalam keluarga keluli 904L, iaitu aloi yang paling biasa digunakan dalam teknologi tinggi dan industri ruang angkasa serta kimia, di mana rintangan maksimum terhadap kakisan adalah penting.

Oystersteel sangat tahan dan ia menawarkan kemasan luar biasa apabila digilap dan mengekalkan kilauan walaupun dalam persekitaran yang paling sukar.



#### RANTAI OYSTER

## Keajaiban bentuk dan fungsi

Rantai Oyster ialah gabungan sempurna dari segi bentuk dan fungsi, estetika dan teknologi.

Kali pertama diperkenalkan pada hujung tahun 1930-an, rantai logam yang sangat teguh dan selesa dengan pautan tiga keping yang rata dan lebar ini kekal menjadi rantai yang paling universal dalam koleksi Oyster. Untuk model Oyster Perpetual, rantai Oyster dilengkapi dengan Oysterclasp.



GERAKAN 3230

## Prestasi yang hebat

Oyster Perpetual 41 dilengkapi dengan kaliber 3230, gerakan yang dibangunkan dan dihasilkan sepenuhnya oleh Rolex, dilancarkan oleh jenama ini pada tahun 2020.

Sebagai peneraju teknologi pembuatan jam tangan, gerakan mekanikal automatik ini telah mendaftarkan beberapa paten dan menawarkan kelebihan dari segi ketepatan, rizab kuasa, ketahanan terhadap kejutan dan medan magnet, kemudahan penggunaan serta kebolehpercayaan. Kaliber 3230 mengandungi bolosan Chronergy

yang dipatenkan, yang menggabungkan kecekapan tenaga yang tinggi dan kebolehpercayaan yang hebat.

# Lagi butiran teknikal Oyster Perpetual

Rujukan 134300

## Penutup Model

---

**Jenis**

Oyster, 41 mm, Oystersteel

**Diameter**

41 mm

**Bahan**

Oystersteel

**Bezel**

Berkubah

**Seni Bina Oyster**

Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam

**Putaran Jam**

Diskrukan, sistem kalis air berganda Twinlock

**Kristal**

Nilam tahan calar

**Kekalisan Air**

Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

## Gerakan

---

**Jenis**

Perpetual, mekanikal, automatik

**Kaliber**

3230, Buatan Rolex

**Ketepatan**

-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

**Pengayun**

Pegas rambut Parachrom biru paramagnetik. Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

## **Pemutaran**

Dwiarah automatik melalui rotor  
Perpetual

## **Fungsi**

Jarum jam tengah, minit dan saat.  
Penghentian jarum saat untuk  
tetapan masa yang tepat

## **Rizab kuasa**

Lebih kurang 70 jam

## **Rantai**

---

### **Jenis**

Oyster, pautan tiga keping padu

### **Pengancing**

Oysterclasp lipat dengan pautan  
sambungan keselesaan 5 mm  
Easylink

### **Bahan Rantai**

Oystersteel

## **Permukaan**

---

### **Jenis**

Kuning air

### **Butiran**

Paparan Chromalight yang sangat  
mudah dibaca dengan pendarkilau  
biru tahan lama

## **Pensijilan**

---

### **Jenis**

Kronometer Superlatif (COSC +  
pensijilan Rolex selepas penutup  
dipasang)

# **Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com**

**Semua hak milik intelek seperti tanda  
dagangan, tanda perkhidmatan, nama  
dagang, reka bentuk dan hak cipta  
terpelihara.**

Tiada apa-apa yang terkandung dalam  
laman web ini boleh diterbitkan tanpa  
kebenaran bertulis. Rolex berhak  
mengubah suai model yang dipaparkan  
pada laman web semasa pada setiap  
masa.

